Berkampung di UUM

um 5/7/05 · 21:1

187 pelajar diberi pendedahan

PERISTIWA

SERAMAI 187 pelajar sekolah rendah tahun empat hingga enam yang kebanyakannya berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan, berada di Universiti Utara Malaysia (UUM) selama empat hari bagi mengikuti program summer camp di bawah Program Pembangunan Minda Insan. Peserta yang terpilih ke program yang kali pertama dianjurkan untuk tahun 2005 itu, terdiri daripada 86 lelaki dan 101 perempuan daripada enam daerah di Kedah, iaitu Kuala Muda, Kota Setar, Yan, Kulim, Pendang dan Baling.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Hitam, Kedah, Othman Aziz, program yang dibiaya Kementerian Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) itu, bertujuan mendedahkan para peserta dengan kehidupan di kampus dan menghargai pengurusan masa yang baik supaya mencapai kejayaan cemerlang pada masa depan.

"Kita berharap dengan pendedahan yang diberikan ini, dapat memberikan satu semangat dan membantu menukar paradigma pemikiran mereka agar cintakan ilmu sehingga mereka dewasa nanti. Selain membantu mencapai kejayaan, program ini juga diharap dapat membentuk mereka menjadi orang yang beriman, melalui penekanan terhadap ibadat yang sekali gus membantu ahli keluarga mereka keluar daripada arus kemiskinan," kata Othman semasa berucap pada Majlis Perasmian Summer Camp 2005 di Dewan Bukit Kachi, UUM baru-baru ini.

Dalam ucapannya itu juga, beliau turut menyatakan komitmen kerajaan untuk terus membantu rakyat miskin di negara ini, melalui pelbagai program dan bantuan yang disalurkan melalui pejabat pembangunan di setiap negeri.

"Walaupun kerajaan melaburkan banyak wang untuk menyediakan kemudahan fizikal yang lengkap, namun agenda terpenting adalah melalui kesedaran pendidikan kerana ia dapat membantu mereka meningkatkan taraf kehidupan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Oleh itu, program pendedahan sebegini yang diberi kepada generasi muda, menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam menyedarkan mereka supaya dapat membantu keluarga mereka keluar daripada belenggu kemiskinan pada masa hadapan," jelasnya lagi.

Bagi kebanyakan peserta, program yang bermula pada 16 hingga 19 Jun itu memberikan satu pengalaman baru, walaupun pada mulanya mereka

SEBAHAGIAN pelajar tahun empat hingga enam yang menyertai program Pembangunan Minda Insan di UUM.

MOHD NOOR ABDUL LATIF

MOHD NASRULLAH MOHD TAHIR

NUR SALMY AHMAD SHAPERI

NURUL NASIRAH ABU BAKAR

UUM/BA 69/um/05-07-2005/p.21 (1)

Page 1 of 2